

15/01/1997

Pakar IT dunia jadi penasihat MSC

LOS ANGELES, Selasa - Sekumpulan pakar dan pemimpin dalam industri teknologi maklumat (IT) antarabangsa hari ini diumumkan sebagai penasihat kerajaan dalam melaksanakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pakar dan pemimpin berkenaan sudah menyatakan persetujuan untuk menganggotai panel penasihat antarabangsa (IAP) bagi projek yang dipengerusikan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Antara mereka ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Netscape, James Barksdale; Presiden dan Ketua Eksekutif Oracle, Larry Ellison; Pengerusi, Presiden dan Ketua Eksekutif Sun Microsystems, Scott McNealy serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Hewlett Packard, Lewis Platt.

Sebelum ini, Ketua Eksekutif Microsoft Corporation, Bill Gates, sudah menyatakan persetujuannya kepada Perdana Menteri untuk menganggotai panel berkenaan.

Seorang lagi pemimpin industri IT yang menganggotai panel itu ialah Ketua Eksekutif IBM, Louis Gerstner.

Menurut kenyataan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) di sini hari ini, panel terbabit akan mengadakan mesyuarat pertamanya di Universiti Stanford, Palo Alto, dekat San Francisco, Khamis ini.

Bagaimanapun, hanya 25 anggota panel sahaja akan menghadiri mesyuarat itu, manakala lima lagi yang bersetuju menganggotai IAP, termasuk Gates dan Gerstner, tidak dapat hadir.

Tiga lagi pakar yang tidak dapat hadir tetapi bersetuju menjadi panel ialah pengasas Toffler & Associates, Alvin Toffler; Pengerusi Siemens Corporation, Dr Heinrich von Pierer dan Presiden Fujitsu, Tadashi Sekizawa.

Pakar dan pemimpin lain yang akan menghadiri mesyuarat berkenaan ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Acer, Stan Shih; Pengerusi Motorola, Gary Tooker; Presiden dan Ketua Eksekutif Compaq, Eckhard Pfeiffer.

Selain itu, Pengerusi dan Presiden EDS, Lester Alberthal; Profesor Pelawat Universiti Stanford, Dr Kenichi Ohmae; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Apple, Gilbert Amelio; Pengerusi LG Group, Koo Bon Moo; Ketua Pegawai Eksekutif Nets Inc, Jim Manzi; Pengerusi Madge, Robert Madge.

Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Sony, Nobuyuki Idei; Eksekutif Kanan Timbalan Presiden NTT, Noboru Miyawaki; Ketua Pegawai Operasi Smart Valley, Profesor William Miller; Timbalan Pengerusi Bechtel, Fred Gluck dan Pengerusi Silicon Graphic World Trade, Robert Bishop.

Pakar lain ialah Diana Lady Dougan (CSIS/GIIC), Philip Odeen (BDM International); Masayoshi Son (Softbank); Michael Spence (Stanford GSB) dan Lynton Wilson (Bell Canada Enterprise).

Turut menganggotai panel berkenaan ialah Pengarah Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

(END)